

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Sukum 2011: UUM hantar 220 atlet
08 Jul 2011
Kosmo
Sukan
N/A
Daily
115,967 / 406,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
59
178 cm²
Full Color
1,548
4,644



Sukum 2011: UUM hantar 220 atlet

SERAMAI 220 atlet Universiti Utara Malaysia (UUM) akan mewakili universiti tersebut pada temasya Sukan Staf Universiti-Universiti Malaysia (Sukum) ke-36 yang akan berlangsung di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Sebanyak 12 pasukan akan berentap dalam pelbagai acara yang dipertandingkan termasuk bola sepak senior dan veteran, bola jaring, bola tampar lelaki dan wanita, ping pong campuran, tenpin boling lelaki dan wanita, karom, tenis, dan boling padang.

Bendahari UUM, Amron Man mengingatkan kontinjen UUM agar lebih bersedia menghadapi segala bentuk cabaran yang bakal mereka hadapi pada temasya kali ini.

"Jika tahun lepas UUM hanya mampu menduduki tempat keempat, pada tahun ini kita mengharapkan UUM menjadi juara atau naib juara keseluruhan," katanya.

Tambah beliau, warga universiti ini mengharapkan kontinjen UUM untuk pulang membawa kejayaan sebagai bukti kesungguhan mereka dalam mengharumkan nama universiti.

Beliau berkata demikian ketika mewakili Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak pada majlis penyerahan bendera UUM kepada kontinjen universiti yang akan berjuang pada Sukum edisi ke-36 ini.

Sementara itu, Timbalan Ketua Kontinjen, Prof. Madya Dr. Juzhar Jusoh berkata, persediaan pasukan UUM kali ini sangat mantap dan berharap agar semua atlet yakin kepada diri sendiri ketika mengharungi cabaran.

"Pada pengamatan saya, semua atlet kita mempunyai keistimewaan tersendiri dan masing-masing mempunyai potensi untuk berjaya.

"Apa yang penting adalah komitmen," katanya.



KONTINJEN UUM berazam memperbaiki pencapaian pada temasya sukan Sukum ke-36 yang akan membuka tirainya esok.